

**Implementasi Dan Penerapan Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD) di Institut Pendidikan:  
Kajian di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor**

Syed Zahirruddin Bin Syed Zakaria<sup>a</sup> (P80179), Muhammad Rizal Razman<sup>a</sup> dan Azahan Awang<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>b</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: aljuffry82@gmail.com

**Pernyataan Masalah:** Kajian ini mengkaji empat pendekatan dalam menerapkan Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD) di institut pengajian tinggi yang dipilih iaitu Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam Bangi yang mendidik bakal guru. Empat pendekatan tersebut ialah pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan persekitaran. Oleh yang demikian, kajian ini mengetengahkan permasalahan pokok iaitu adakah kejayaan proses implementasi kelestarian ini yang tersebut diatas dipengaruhi oleh salah satu pendekatan atau kombinasi di antara empat pendekatan yang disebut diatas iaitu pengurusan kampus, kurikulum, kokurikulum dan persekitaran kampus. **Objektif:** Mengkaji hubungkait proses penerapan pendidikan pembangunan lestari (ESD) diantara empat pendekatan iaitu pengurusan kampus, kokurikulum, kurikulum dan persekitaran kampus di institusi pengajian tinggi tumpuan kepada Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam, Bangi. **Metodologi:** Kajian ini menggunakan kaedah orientasi kualitatif. Kajian ini khusus kepada kajian kes kampus lestari daripada perspektif pelaksanaan di peringkat pengajian tinggi. Ia melibatkan pengumpulan maklumat daripada dokumen utama yang telah diterbitkan dan juga dokumen yang melibatkan program-program yang dilaksanakan di kampus tersebut iaitu Pelan Strategik 2016-2020 Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG KPI) Bangi, Laporan Tahunan 2015 IPG KPI Bangi, Laporan Tahunan 2015 IPG Lestari IPG KPI Bangi dan Laporan Tahunan 2014 IPG Lestari IPG KPI Bangi. Dokumen yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian Nvivo versi 11. Dengan menggunakan perisian berkenaan, skema pengekodan telah dibina dan diuji untuk menghasilkan model analitikal yang mengandungi tema dan juga sub tema. **Hasil:** Keseluruhan analisis dokumen ini mengandungi 8 tema utama dan 17 sub tema bagi menggambarkan faktor-faktor yang mempengaruhi proses penerapan dan implementasi Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD). Dalam analisis dokumen yang dibuat terhadap empat dokumen, didapati bahawa sejumlah 409 perenggan yang menggambarkan keseluruhan pendekatan yang dikaji. **Kesimpulan:** Melalui dapatan analisis dokumen yang dijalankan, didapati empat pendekatan yang dikaji iaitu kurikulum, kokurikulum, persekitaran dan pengurusan mempunyai kebergantungan diantara pendekatan-pendekatan yang diterapkan. Ini menunjukkan usaha untuk menerapkan nilai-nilai kelestarian di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam Bangi memerlukan kesemua pendekatan tersebut bagi menyokong usaha implementasi Pendidikan Pembangunan Lestari (ESD).